

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
KAWASAN : KUALA KEDAH

SOALAN NO. 79

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan projek pembinaan jalan dari Alor Ganu ke Alor Madi dan jambatan merentangi Sungai Kedah di Titi Gajah dalam kawasan Parlimen Kuala Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalan dari Alor Ganu ke Alor Madi dan jambatan merentangi Sungai Kedah di Titi Gajah bukan projek di bawah pelaksanaan Kementerian Kerja Raya. Projek tersebut adalah di bawah pelaksanaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bahawa Projek Membina Jalan dan Jambatan Baru Alor Ganu/ Alor Madi / Titi Gajah, Daerah Kota Setar dengan kos siling berjumlah RM40 juta telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Skop bagi projek ini ialah menaik taraf jalan sepanjang 6.8km dengan lebar jalan berturap 6 meter dan sebuah jambatan. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana projek ini oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Manakala status semasa projek ini ialah dalam peringkat rekabentuk dan proses Pengambilan Balik Tanah. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Disember 2020. Manakala, kerja-kerja pembinaan pula dijangka akan bermula pada Jun 2021 setelah proses Pengambilan Balik Tanah selesai.

Sekian, terima kasih.